




KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PP)
- Setiausaha Akhbar

Tarikh: 5 APRIL 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Menteri turun padang betul-betul, bukan main wayang dulu-dulu

Arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya semua anggota Jemaah Menteri meluangkan lebih masa turun padang meninjau isu harga dan kuantiti barangan di pasaran sebenarnya bukan hanya menjadi langkah simbolik dalam usaha kerajaan menangani cabaran membabitkan periuk nasi rakyat. Sebaliknya, kehadiran menteri dan timbalan masing-masing dapat memastikan keberkesanan tindakan diambil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) termasuk melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) membabitkan 22 jenis barangan di seluruh negara sempena sambutan Aidilfitri 2024 berkuat kuasa hari ini hingga 19 April ini.

Bagaimanapun, tindakan ahli Kabinet turun padang yang sepatutnya memberikan kesan psikologi bahawa kerajaan benar-benar memberikan tumpuan kepada ekonomi rakyat dan meningkatkan kepercayaan masyarakat boleh menajihkan keputusan tidak diingini sekiranya mengulangi amalan lazim. Ini termasuk mengadakan program turun padang diatur terlebih dahulu bersama rombongan pegawai dan media hingga ia mungkin 'bocor' kepada penjual untuk menukar tanda harga, selain 'berlakon' membeli barangan dapur dikatakan murah sambil menitipkan pesanan kepada rakyat supaya bijak berbelanja. Semua modus operandi begini tidak sepatutnya dilakukan lagi kerana ia boleh diibaratkan 'senjata makan tuan' kerana dianggap wayang oleh rakyat.

Hakikatnya, usaha menangani kedua-dua isu besar rakyat itu perlu dilakukan baik secara individu mahupun kolektif kerana badan-penyelidikan kewangan dan ekonomi tempatan serta antarabangsa turut meramalkan berlaku kenaikan harga barang beransur-ansur dalam negara bagi tempoh suku pertama tahun ini dengan mengaitkannya akibat kenaikan tarif elektrik serta air, selain pelaksanaan kadar cukai baharu khasnya cukai jualan dan perkhidmatan (SST) sejak 1 Mac lalu.

Malah Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam kenyataan Indeks Harga Pengguna (IHP) Februari 2024 melaporkan inflasi negara meningkat 1.8 peratus didorong perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (2.7 peratus); rekreasi, sukan & kebudayaan (1.6 peratus) serta pengangkutan (1.2 peratus), manakala kumpulan utama lain merekodkan peningkatan lebih perlahan termasuk restoran & perkhidmatan penginapan (2.9 peratus), kesihatan (2.2 peratus), makanan & minuman (1.9 peratus) dan pendidikan (1.5 peratus).

Justeru ketika menteri dan timbalan diarahkan kerap turun padang, kita mengingatkan KPDN supaya lebih agresif memantau dan menguatkuasa undang-undang untuk membendung kenaikan harga barang keperluan termasuk yang tidak disenaraikan dalam SHMMP. Kita mengingatkan usaha ini tidak boleh sendiri, sebaliknya merentas kementerian terutama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), selain bekerjasama dengan Majlis Penasihat Pengguna Negara (MPPN) dan persatuan pengguna. Pada masa sama, pengguna sendiri menjadi mata dan telinga dengan melaporkan sebarang kenaikan harga melampau atau kekurangan barang kepada KPDN melalui talian hotline, media komunikasi seperti WhatsApp atau media sosial.

CONSUMER PROTECTION

DECISION ON 'LEMON LAW' BY SEPTEMBER

Ministry to appoint consultants in June to conduct feasibility study

NOR AIN MOHAMED RADHI
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

The Domestic Trade and Cost of Living Ministry is expected to decide on the 'lemon law' by September, the Dewan Negara was told yesterday.

Deputy minister Fuziah Salleh said the ministry would appoint consultants in June to conduct a feasibility study on the 'lemon law', with the terms of reference to be completed within four months.

'They will need to produce findings based on their engagement with relevant stakeholders and parties, including banks.

'They must conduct a comparison of lemon laws adopted in other countries to address any gap.

'Therefore, by September, we anticipate being able to determine whether a new act (lemon law) is necessary, or if we need to amend existing ones to address any gap,' she said, in reply to Senator Tan Sri Low Kian Chuan.

Low asked on the timeline for drafting and tabling a bill equivalent to the 'lemon law' in Parliament to protect consumer rights, given the increase in cases of vehicle breakdowns even in newly purchased vehicles.

In January, Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the government was considering adopting a 'lemon law' to better protect consumers against defective vehicles.

He, however, said, it was in the early stages of reviewing and researching the law.




SENATOR Fuziah Salleh

Lemon laws are regulations that attempt to protect consumers in the event that they purchase a defective vehicle or other consumer products or services, referred to as lemons, that do not meet their purported quality or usefulness.

Countries, such as the United States, Singapore, South Korea, China, and the Philippines, have adopted the 'lemon law'.

While Malaysia has a Consumer Protection Act, Armizan noted that it did not cover consumers with defective vehicles.





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Bisnes

Jumaat,
5 April 2024

bhbiz@estp.com.my

*Ikuti lebih berita di www.bharian.com.my

Harga RON95 perlu dinaikkan secara berperingkat

Pelaksanaan subsidi bersasar mungkin lonjak inflasi sehingga 6.7 peratus

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kadar inflasi pada separuh kedua 2024 berpotensi meningkat antara 4.9 hingga 6.7 peratus jika harga runcit RON95 ditetapkan mengikut harga pasaran ekoran jangkakan pelaksanaan subsidi bersasar pada Jun, kata MIDF Research.

Susulan itu, bahagian penyelidikan itu berpandangan lebih ideal kenaikan harga runcit RON95 dibuat secara beransur supaya kesan terhadap inflasi lebih terkawal.

"Dengan membenarkan RON-

95 pada harga pasaran pada Jun ini, kesannya adalah kadar inflasi keseluruhan (tahun ini) dijangka meningkat kepada purata 4.6 peratus.

"Kadar inflasi pada separuh kedua 2024 diunjurkan antara 4.9 hingga 6.7 peratus. Susulan itu, kami percaya senario ini (penetapan harga RON95 ikut harga pasaran) tidak mungkin berlaku kerana kadar inflasi akan melepasi julat sasaran Bank Negara Malaysia (BNM) dan Kementerian Kewangan (MoF)," katanya dalam satu nota penyelidikan.

BNM menjangkakan inflasi keseluruhan bagi 2024 berpurata antara 2 hingga 3.5 peratus, sebahagiannya mencerminkan potensi peningkatan daripada rasionalisasi subsidi domestik.

MIDF Research membuat andaian kesan inflasi berdasarkan empat senario yang mungkin berlaku apabila langkah subsidi bahan api bersasar dilaksanakan yang mana hanya tiga senario dianggapnya boleh dilakukan.

Senario pertama ialah harga RON95 kekal status quo pada

RM2.05 seliter memandangkan masa tambahan diperlukan untuk menyediakan pengguna dan mengukuhkan mekanisme subsidi bersasar.

Naik lima sen setiap bulan

Senario kedua, memperlihatkan RON95 dinaikkan lima sen setiap bulan bermula Jun 2024 sehingga harga mencecah RM2.40 seliter, lebih tinggi sedikit berbanding mata maksimum pasca 2010 sebanyak RM2.38, sementara senario ketiga ialah harga RON95 diselarasakan kepada RM2.40 pada Jun 2024 dengan kenaikan sekali saja.

Senario keempat pula apabila RON95 ditetapkan pada harga pasaran pada Jun ini yang baginya sangat tidak mungkin untuk dilaksanakan masa terdekat.

MIDF Research berkata, jika harga runcit bahan api ditetapkan kekal pada RM2.05 seliter, pihaknya menjangkakan harga keseluruhan meningkat 2.9 peratus untuk 2024 dan kadar inflasi keseluruhan meningkat, tetapi hanya mencapai mata maksi-

imum 3.5 peratus pada November dan Disember 2024.

Katanya, faktor peningkatan utama ialah kadar inflasi makanan.

Bagi senario kedua pula iaitu RON95 akan dinaikkan sebanyak lima sen setiap bulan bermula Jun 2024, MIDF Research menjangkakan harga permulaan ialah RM2.10 dan meningkat secara beransur-ansur sehingga RM2.40 menjelang Disember 2024.

Ia berkata, berdasarkan senario itu, pihaknya menganggarkan kadar inflasi keseluruhan berpurata pada 3.2 peratus memandangkan pertumbuhan harga bahan api pada 6.0 peratus untuk 2024.

Katanya, kadar inflasi keseluruhan melepasi 3.0 peratus pada Jun dan mencapai puncak 4.4 peratus menjelang Disember ini.

"Sementara itu, kami menganggarkan kadar inflasi bahan api mencecah kadar dua angka pada September 2024 dan seterusnya.

"Kami percaya ini adalah senario yang ideal jika langkah

subsidi disasarkan bahan api dilaksanakan dalam separuh kedua 2024.

"Kami lihat senario ini sebagai satu kemungkinan memandangkan kadar inflasi di bawah senario ini berada dalam julat sasaran BNM/MoF," katanya.

Bagi senario ketiga iaitu RON95 akan dinaikkan 35 sen sekali saja pada Jun 2024 dan kekal sehingga akhir tahun, MIDF Research menganggarkan kadar inflasi keseluruhan berpurata 3.4 peratus dan kadar inflasi bahan api pada 10.2 peratus bagi 2024.

Ia berkata, kadar inflasi keseluruhan dijangka meningkat daripada 2.6 peratus pada Mei 2024 kepada 3.7 peratus pada Jun 2024 dan arah aliran melebihi 4 peratus pada Ogos 2024 dan seterusnya.

"Kami juga menganggap senario ini mungkin memandangkan kadar inflasi berada dalam lingkungan julat sasaran BNM/MoF, namun kadar pertumbuhan harga bulanan adalah lebih pantas daripada senario kedua," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 5 APRIL 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
5-Apr	Bekalan petrol, diesel dijamin mencukupi untuk Aidilfitri-KPDN Kelantan	https://www.utusan.com.my/berita/2024/04/bekalan-petrol-diesel-dijamin-mencukupi-untuk-aidilfitri-kpdn-kelantan/	UTUSAN MALAYSIA
5-Apr	Fuziah agih bakul makanan Yayasan Madani kepada NGO	https://www.suarakeadilan.my/post/fuziah-agih-bakul-makanan-yayasan-madani-kepada-ngo	SUARA KEADILAN
5-Apr	Pemilik bengkel kenderaan didenda RM4,000 kerana gagal kemuka maklumat pembaikan	https://malaysiagazette.com/2024/04/04/pemilik-bengkel-kenderaan-didenda-rm4000-kerana-gagal-kemuka-maklumat-pembaikan/	MALAYSIA GAZETTE
5-Apr	KAMPUNG TANJUNG PIRING RAHMAH SALES PROGRAMME RECEIVES ENCOURAGING RESPONSE	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2285774	BERNAMA
5-Apr	AHIN 2024 jadi platform beri kefahaman awam tentang harta intelek	https://www.sinarharian.com.my/article/658127/berita/nasional/ahin-2024-jadi-platform-beri-kefahaman-awam-tentang-harta-intelek	SINAR HARIAN
5-Apr	Berbelanja ikut keperluan, jangan membazir	https://suarasarawak.my/berbelanja-ikut-keperluan-jangan-membazir/	SUARA SARAWAK
5-Apr	Aidilfitri: KPDN Kelantan akan pastikan petrol, diesel cukup	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/aidilfitri-kpdn-kelantan-akan-pastikan-petrol-diesel-cukup	BERITA RTM
5-Apr	KPDN Kelantan jamin bekalan petrol, diesel cukup sepanjang Aidilfitri	https://www.malaysiakini.com/news/701641	MALAYSIA KINI
5-Apr	KPDN Kelantan jamin bekalan petrol, diesel cukup sepanjang Aidilfitri	https://thesun.my/cerita/berita/kpdn-kelantan-jamin-bekalan-petrol-diesel-cukup-sepanjang-aidilfitri-JI12297583	THE SUN
5-Apr	KELANTAN KPDN ENSURES FUEL SUFFICIENCY THROUGHOUT AIDILFITRI WITH STRATEGIC SCHEDULING	https://malaysiantribune.com/kelantan-kpdn-ensures-fuel-sufficiency-throughout-aidilfitri-with-strategic-scheduling/	MALAYSIAN TRIBUNE
5-Apr	Kelantan KPDN ensures fuel sufficiency throughout Aidilfitri with strategic scheduling	https://thesun.my/local_news/kelantan-kpdn-ensures-fuel-sufficiency-throughout-aidilfitri-with-strategic-scheduling-CI12297555	THE SUN
5-Apr	Rantau Panjang non-subsidised petrol station 80pc completed	https://www.nst.com.my/news/nation/2024/04/1034384/rantau-panjang-non-subsidised-petrol-station-80pc-completed	NEW STRAITS TIMES
5-Apr	K'TAN KPDN SEIZES 2,016 KG GRANULATED SUGAR AT PREMISES IN KOTA BHARU	https://malaysiantribune.com/ktan-kpdn-seizes-2016-kg-granulated-sugar-at-premises-in-kota-bharu/	MALAYSIAN TRIBUNE